



SEORANG bapa menemani anak perempuannya untuk menerima suntikan vaksin Covid-19 pada Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) World Trade Centre Kuala Lumpur (WTCKL). - Gambar NSTP/ASWADI ALIAS

Harian Metro - 8/3/2022 (no. 7).

Kuala Lumpur

Permudah urusan ibu bapa jaga anak

Gesa kerajaan senarai Covid-19 sebagai penyakit berjangkit dalam Pekeliling Perkhidmatan

Kerajaan diminta mempertimbangkan untuk menyenaraikan Covid-19 sebagai penyakit berjangkit dalam Pekeliling Perkhidmatan bagi melayakkan ibu bapa yang menjaga anak dijangkiti wabak tersebut menggunakan kemudahan cuti kuarantin bagi menguruskan anak mereka.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) Datuk Adnan Mat berkata langkah itu, bagi membolehkan ibu bapa khususnya yang menjadi kontak rapat tanpa gejala dan telah menerima dos penggalak mendapat kemudahan lima hari cuti kuarantin tersebut.

Ini kerana, mengikut prosedur operasi standard (SOP) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), individu dalam kategori berkecenderungan tidak perlu menjalani kuarantin manakala berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2016, kemudahan cuti kuarantin ini hanya diberikan kepada ibu bapa yang anak mereka dijangkiti oleh penyakit berjangkit antaranya penyakit tangan, kaki dan mulut; demam denggi; cacar air (*chickenpox*) dan malaria tidak termasuk Co-



ADNAN

vid-19.

"Dalam hal ini, mereka tidak boleh hantar anak ke pengasuh, ini menjadi kesukaran untuk menguruskan anak-anak mereka jadi, Cuepacs minta agar cuti

kuarantin ini diberikan kepada salah seorang sama ada ibu atau bapa untuk jaga anak mereka sehingga sihat sepenuhnya.

"Kalau tidak diberikan cuti kuarantin ini, ketua perkhidmatan atau ketua jabatan boleh mempertimbangkan untuk memberi kemudahan bekerja dari rumah dan kembali bertugas lima hari kemudiannya," katanya ketika dihubungi.

Di samping itu, beliau berkata Cuepacs mengambil maklum kepentingan penjawat awam untuk terus berada di lapangan atau pejabat kerana situasi ketika ini menuntut mereka sebagai pelaksana untuk bertugas bagi memastikan sistem penyampaian kerajaan da-

pat dilaksanakan sebaik mungkin.

"Jadi ketua-ketua perkhidmatan perlu bijak mengurus dalam memastikan sistem penyampaian kerajaan tidak terjejas oleh kerana jangkitan masih berlaku tetapi dalam masa yang sama sistem penyampaian tidak boleh terhenti begitu sahaja," katanya.

Pada 24 Februari lalu, Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin mengumumkan individu berumur 18 tahun ke atas yang menjadi kontak rapat kepada kes positif Covid-19 yang menerima dos penggalak dan tidak bergejala pada hari pertama, tidak perlu menjalani kuarantin bermula 1 Mac 2022.